



Untuk Terbitan Media

15 Mac 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO GALAK PENCARI KERJA REBUT 10,000 PELUANG PEKERJAAN DI KARNIVAL KERJAYA WANITA MYFUTUREJOBS PERKESO 2024

KUALA LUMPUR: Pencari kerja yang masih mencari peluang pekerjaan diseru untuk hadir ke **Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs PERKESO 2024 - Tiada Yang Terpinggir yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) sejak semalam hingga 16 Mac 2024** bagi merebut **10,000 jawatan kosong yang ditawarkan oleh lebih 50 majikan.**

Pertubuhan Keselamatan Sosial dalam satu kenyataannya memaklumkan, pelbagai calon majikan termasuk pemain industri utama seperti RHB, HSBC, UOA Group, DHL, Co-Opbank Pertama serta HABIB Group dan banyak lagi turut menyertai karnival kali ini untuk mencari bakat baharu bagi mengisi peluang pekerjaan dengan pelbagai peringkat jawatan bermula dari kelayakan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga ke ijazah sarjana dengan anggaran 60 peratus jawatan yang ditawarkan adalah kumpulan eksekutif.

“Pencari kerja yang belum pasti dengan hala tuju kerjaya yang diidamkan juga digalakkan hadir, kerana Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi portal pekerjaan rasmi negara MYFutureJobs (MYFJs) turut menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan kerjaya seperti sesi kaunseling kerjaya, teknik penyediaan resume, khidmat padanan pekerjaan, taklimat kebolehpasaran serta yang menarik untuk karnival kali ini adalah tawaran waktu bekerja yang fleksible dengan gaji yang berpatutan turut sedia untuk diisi buat pencari kerja yang hadir.

“Selain karnival kerjaya terdapat juga aktiviti menarik lain yang boleh didapati dalam karnival yang berlangsung bersempena sambutan Hari Wanita seperti taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR), pameran agensi kerajaan dan penyedia latihan serta

pemeriksaan kesihatan percuma.

“Untuk rekod, perangkaan PERKESO dari 2020 hingga 29 Februari lalu mencatatkan seramai 2,547,724 pencari kerja telah berdaftar di portal MYFutureJobs dengan sekitar 52.21 peratus (1,330,580) pencari kerja adalah wanita; Daripada jumlah ini sebanyak 57.61 peratus (669,284) adalah pencari kerja aktif wanita. Dalam tempoh yang sama, seramai 1,016,583 pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan dengan sekitar 47.62 peratus (484,088) merupakan pencari kerja wanita.

Layari www.myfuturejobs.gov.my untuk carian pekerjaan secara dalam talian serta percuma atau hadir ke karnival kerjaya MYFutureJobs dengan mendaftar di www.myfuturejobs.gov.my/careerfair. Bagi majikan yang ingin menawarkan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs, mereka juga boleh layari www.myfuturejobs.gov.my.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Mac 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my